

Jangan bataskan tafsiran al-Quran

BH - 9 FEB 1994

Oleh Mohd Shah Abdullah dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Rabu — Pentafsiran al-Quran perlu membabitkan sarjana dan ilmuwan dalam pelbagai bidang bagi memastikan ia tidak terbatas kepada tafsiran ulama sahaja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kemajuan dalam sains perubatan, genetik, penerokaan angkasa lepas, perdagangan dan perindustrian memerlukan ilmu pengetahuan mendalam dalam bidang berkenaan supaya ia dikaitkan dengan pengajaran daripada al-Quran.

Dr Mahathir berkata, tafsiran al-Quran yang mendalam itu perlu dibuat untuk kepentingan umat Islam keseluruhannya dan tidak seharusnya terikat kepada kepentingan mana-mana individu, kelompok atau parti politik.

Katanya, sebagai umat Islam yang menjunjung kemuliaan kitab suci al-Quran, bagi memahami sepenuhnya kehendak ajarannya, ia juga memerlukan kajian terhadap Sunnah dan Hadis.

"Adalah perlu supaya kita kembali semula kepada al-Quran dan menetapkan tafsiran yang dibuat oleh sesetengah ulama selepas zaman kegemilangan Islam.

"Ada bukti menunjukkan sesetengah ulama ini lebih berminat mengekalkan pengaruh mereka terhadap Kerajaan Uthmaniyah daripada membuat tafsiran yang betul," katanya ketika merasmikan Seminar al-Quran Antarabangsa Kali Keempat, di Pusat Islam, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Seminar itu diadakan sempena Ujian Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di ibu negara yang bermula semalam. Ia bertemakan 'Wawasan Menyatukan Ummah', antaranya bertujuan mendalami dan meningkatkan kefahaman serta penghayatan terhadap kandungan al-Quran.

Kira-kira 500 peserta dari dalam dan luar negara termasuk Mesir, China dan Arab Saudi menghadiri seminar itu.

Dr Mahathir berkata, sesetengah ulama itu juga mengkritik sikap mempelajari ilmu pengetahuan yang bukan berasaskan agama dengan harapan golongan itu tidak akan mengambil alih kedudukan mereka.

"Semua ilmu seperti itu (yang bukan berasaskan agama) dituduh sebagai sekular dan mendatangkan mudarat," katanya.

Dr Mahathir berkata, kesannya umat Islam yang terkenal memimpin dunia di bidang kesusasteraan dan sains ketinggalan berbanding masyarakat bukan Islam.

"Akhirnya, hampir semua negara Islam jatuh di bawah penjajahan Barat. Adalah jelas tafsiran ulama ini hanya mementingkan diri sendiri. Malangnya ajaran mereka masih lagi diterima secara meluas.

"Hanya satu sahaja jalan keluar iaitu kembali semula kepada al-Quran dan

LIHAT MUKA 2

Jangan bataskan tafsiran al-Quran

DARI MUKA 1

mentafsirkannya dengan betul," katanya.

Dr Mahathir berkata, masanya juga sudah sampai supaya tafsiran ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran tidak lagi dibuat oleh kelompok ahli agama semata-mata.

Sebaliknya, katanya, masalah semasa yang berlaku kini turut memerlukan sumbangan dan pembabitan sarjana daripada pelbagai disiplin ilmu.

"Kemajuan dalam sains perubatan, genetik, penerokaan angkasa lepas, perdagangan dan perindustrian memerlukan ilmu pengetahuan mendalam dalam bidang berkenaan supaya ia dikaitkan dengan pengajaran daripada al-Quran," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika usaha itu tidak dilakukan, al-Quran akan dianggap oleh sesetengah umat Islam sebagai tidak sesuai dan ia mungkin menjadi bahan ejekan masyarakat bukan Islam.

Menurutnya, seminar itu adalah penting bagi mengembalikan semula kefahaman al-Quran terhadap arus utama pemikiran masyarakat dan dalam pendekatan bagi menangani masalah umat Islam dewasa ini dan di masa depan.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri secara berterus-terang mengupas mengenai kemunduran yang dialami oleh umat Islam sehingga bukan sahaja tidak mampu mempertahankan ummah, bahkan iman di dada mereka.

Katanya, walaupun kitab al-Quran itu satu dan sama seperti yang ada di zaman Nabi Muhammad s.a.w segala kandungannya tidak harus ditasirkan secara harfiah.

"Jika ini (tafsiran secara harfiah) dilakukan ia menyempitkan segala pengetahuan yang ada dalam al-Quran bagi kepentingan umat Islam dan kemanusiaan.

"Jika ini dilakukan, al-Quran seolah-olah disalah tafsir dan dianggap ketinggalan zaman sedangkan al-Quran jauh daripada perbuatan salah tafsir dan ketinggalan zaman," katanya.